KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	18/10/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	KeTSA/ JPSM			

BH 18 Okt 2021_18

Program Penghijauan Malaysia

17 juta pokok sudah ditanam seluruh negara

Langkawi: Sebanyak 17 juta pokok pelbagai spesies sudah ditanam di seluruh negara bawah Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025, setakat ini.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata pihaknya yakin sasaran untuk menanam 20 juta pokok pada 2021, akan tercapai menjelang hujung tahun ini.

Justeru, beliau berkata, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli menggalakkan semua pihak bersama rakyat untuk mengamalkan penanaman pokok daripada pelbagai spesies bagi mencapai matlamat kempen berkenaan.

"Di Kedah hingga kini, kita menanam hampir 600,000 pokok melalui kempen itu," katanya pada sidang media selepas majlis penyerahan surat niat bagi inisiatif solar di Dermaga Tanjung Lembung, di sini, semalam.

Beliau berkata, kementerianya juga menggalakkan setiap pemimpin dan wakil masyarakat menjadikan aktiviti penanaman pokok sebagai gimik pada program mereka.

Terdahulu, Takiyuddin turut menyertai aktiviti penanaman pokok sempena kempen itu bersama komuniti Kampung Chandek Kura, Kedawang, di kawasan Kompartmen 1 Hutan Simpan Bukit Malut, di sini.

Pada program itu, sebanyak 1,000 pokok pelbagai spesies ditanam, termasuk Merbau, Petai, Kundang, Asam Gelugor dan pokok hutan.

Penanaman semula pokok itu bertujuan memulih dan menghijaukan semula kawasan berkenaan yang sebelum ini pernah diceroboh pihak tidak bertanggungjawab.